

D610

R B205 DEB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA

(I)

KUALA LUMPUR, 12 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SRI PERDANA DI SINI.

SELEPAS MESYUARAT KIRA-KIRA TIGA JAM ITU, PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO ENGGAN MENYATAKAN BILAKAH PILIHAN RAYA UMUM AKAN DIADAKAN.

MENGENAI KEADAAN DI NEGARA INI YANG MEMUNGKINKAN PILIHAN RAYA DIADAKAN, BELIAU BERKATA, WALAUPUN BEBERAPA MASALAH EKONOMI DAN POLITIK TELAH DISELESAIKAN, TETAPI MASIH ADA MASALAH LAIN YANG PERLU DIBERI PERHATIAN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA MASALAH LAIN ITU BOLEH DISELESAIKAN PADA BULAN DEPAN ATAU TIDAK, PERDANA MENTERI MENJAWAB SAMBIL TERTAWA: +JIKA SAYA BOLEH MENJAWAB ITU, SAYA MERUPAKAN ORANG PALING GEMBIRA.+

BEBERAPA SPEKULASI MENYATAKAN KONONNYA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DIADAKAN PADA BULAN JULAI.

+PADA KETIKA INI, SAYA TIDAK BOLEH MENYATAKAN BILAKAH PILIHAN RAYA UMUM AKAN DIADAKAN,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI

0201MST 13 06 86

D612

R B206 DEB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR

(I)

MENGENAI ASPEK BARISAN NASIONAL, BELIAU BERKATA, MAJLIS TERTINGGI TELAH MENELITI PERKEMBANGAN POLITIK DI NEGARA INI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PENYELESAIAN YANG SAKSAMA TELAH DICAPAI TERHADAP ISU POLITIK SABAH DAN PERTIKAIAN TUNTUTAN GAJI OLEH CUEPACS.

MENGENAI PERUNTUKAN KERUSI UNTUK PILIHAN RAYA UMUM, BELIAU BERKATA, IA SENTIASA MENJADI MASALAH.

+TETAPI SAYA YAKIN PARTI-PARTI AKAN BERSIKAP MEMBERI DAN MENERIMA DAN BERSEDIA UNTUK BEKERJASAMA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA, PERKARA ITU TELAH DIBINCANGKAN DENGAN TELITI SEMASA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI.

MENGENAI EKONOMI NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA, ADA TANDA-TANDA PEMULIHAN DAN MENAMBAH KATA BAHAWA KECUALI HARGA KOMODITI NAIK, DIFISIT AKAUN SEMASA MALAYSIA DIJANGKA MENJADI LEBIH TINGGI.

+KITA INGIN MELIHAT LEBIH RAMAI ORANG MENDAPAT PEKERJAAN,+ KATANYA. -- BERNAMA

0203MST 13 06 86